Amarllingam a/l Raju (sebagai pengerusi elect bagi Persatuan Hindu Kuala Lipis Sri Subramaniar Alayam) dan lain-lain lwn Pendaftar Pertubuhan Malaysia, Negeri Pahang (Thanapalan a/l Rangasamy (sebagai pengerusi Pertubuhan Sri Subramaniar Alayam Kuala Lipis) dan lain-lain, pencelah-pencelah)

MAHKAMAH TINGGI (TEMERLOH) — SAMAN PEMULA NO 24NCVC-33–03 TAHUN 2015
HASSAN ABDUL GHANI PK
3 MARCH 2016

Pihak Berkuasa Awam — Tindakan terhadap — Cara memulakan tindakan — Defendan membatalkan pendaftaran Persatuan Hindu Lipis ('persatuan lama') dan menolak permohonan plaintif-plaintif dan pencelah-pencelah untuk mendaftarkan persatuan baru — Plaintif-plaintif memfailkan saman pemula bagi mencabar keputusan defendan — Sama ada defendan mempunyai kuasa untuk membatalkan persatuan lama — Sama ada tindakan perlu dibuat melalui saman pemula atau melalui semakan kehakiman — Sama ada mahkamah boleh memutuskan plaintif-plaintif atau pencelah-pencelah merupakan ahli jawatan kuasa yang sah untuk menubuhkan persatuan baru bagi menggantikan persatuan lama — Akta Pertubuhan 1966 — Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 A 53

Defendan telah membatalkan pendaftaran Persatuan Hindu Lipis ('persatuan lama') kerana kegagalan plaintif-plaintif untuk menghantar penyata tahunan bagi tahun 2012. Persatuan lama adalah badan yang bertanggungjawab menguruskan, mengawal dan memelihara segala perkara berkaitan dengan Kuil Sri Subramaniar Kuala Lipis ('kuil tersebut'). Ekoran pembatalan tersebut, plaintif-plaintif telah memohon untuk pendaftaran persatuan yang baru di bawah nama 'Persatuan Hindu Kuala Lipis Sri Subramaniar Alayam'. Pada masa yang sama, pencelah-pencelah juga telah memohon untuk pendaftaran persatuan baru di bawah nama 'Pertubuhan Sri Subramaniam Alayam Kuala Lipis'. Disebabkan terdapat pertikaian di antara plaintif-plaintif dan pencelah-pencelah, defendan telah menolak permohonan kedua-dua pihak dan memaklumkan kepada pihak-pihak untuk membawa pertikaian tersebut ke mahkamah untuk penentuan. Oleh itu, plaintif-plaintif telah memfailkan saman pemula ini di atas pertikaian tersebut. Isu-isu yang menjadi pertikaian adalah: (a) sama ada defendan mempunyai kuasa untuk membatalkan persatuan lama; (b) sama ada plaintif-plaintif boleh mencabar keputusan defendan apabila membatalkan persatuan lama; (c) sama ada plaintif-plaintif boleh mencabar keputusan defendan melalui saman pemula; (d) sama ada plaintif-plaintif dan pencelah-pencelah boleh mencabar

keputusan defendan untuk tidak mendaftarkan persatuan baru; dan (e) sama ada mahkamah boleh memutuskan plaintif-plaintif atau pencelah-pencelah merupakan ahli jawatan kuasa yang sah untuk menubuhkan persatuan baru bagi menggantikan persatuan lama. A

Diputuskan, menolak saman pemula plaintif-plaintif dengan kos sebanyak RM3,000: B

(1) Berdasarkan kepada alasan bahawa defendan membatalkan persatuan lama akibat kegagalan untuk mematuhi peruntukan undang-undang dalam Akta Pertubuhan 1966, maka pembatalan tersebut adalah sah. Disebabkan plaintif-plaintif tidak merayu terhadap keputusan tersebut kepada Menteri Dalam Negeri, maka keputusan defendan tersebut adalah muktamad (lihat perenggan 24). C

(2) Plaintif-plaintif boleh mencabar keputusan defendan untuk membatalkan persatuan lama tetapi tindakan tersebut perlu dibuat melalui semakan kehakiman dan bukan melalui saman pemula kerana pembatalan tersebut dibuat oleh defendan yang merupakan pihak berkuasa awam dan tambahan pula, ia melibatkan elemen 'public law'. Aturan 53 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 dengan jelas telah memperuntukkan satu prosedur yang spesifik untuk satu-satu pihak yang terkilan atau tidak berpuas hati mencabar keputusan pihak berkuasa awam. Berdasarkan dapatan di atas juga, plaintif-plaintif dan pencelah-pencelah berhak untuk mencabar keputusan defendan menolak mendaftarkan persatuan baru melalui semakan kehakiman dan bukan melalui saman pemula (lihat perenggan 28, 33 & 36–37). D E F

(3) Mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa untuk mengarahkan defendan supaya mendaftarkan persatuan baru mengikut permohonan plaintif-plaintif atau pencelah-pencelah kerana adalah nyata bahawa kedua-dua pihak telah menggunakan 'mode' yang salah untuk mencabar keputusan defendan menolak permohonan mereka untuk mendaftarkan persatuan baru bagi kuil tersebut. Oleh itu, adalah jelas bahawa tuntutan plaintif-plaintif adalah satu penyalahgunaan proses mahkamah dan mahkamah mempunyai bidang kuasa sedia ada untuk membatalkan saman pemula (lihat perenggan 43). G H

[Bahasa Malaysia summary

The defendant cancelled the registration of Persatuan Hindu Lipis ('the old association') due to the plaintiffs' failure to submit their annual returns for the year 2012. The old association was the body responsible for managing, controlling and maintaining all matters relating to the Kuil Sri Subramaniam Kuala Lipis ('the temple'). Following the cancellation, the plaintiffs applied to register a new union under the name 'Persatuan Hindu Kuala Lipis Sri Subramaniam Alayam'. At the same time, the interveners had also applied for I

registration of a new union under the name 'Pertubuhan Sri Subramaniam Alayam Kuala Lipis'. Since there was a dispute between the plaintiffs and the interveners, the defendants rejected the requests by both parties and informed them to bring the dispute to the court for determination. Therefore, the plaintiffs filed an originating summons for determination. The issues surrounding the dispute were (a) whether the defendant possessed the power to cancel the old association; (b) whether the plaintiffs could challenge the decision of the defendant in canceling the old association; (c) whether the plaintiffs could challenge the decision of the defendant by way of originating summons; (d) whether the plaintiffs and interveners could challenge the defendant's decision to not to register the new association; and (e) whether the court could decide whether it was the plaintiffs or the interveners who were valid committee members to establish a new association to replace the old association.

Held, dismissing the plaintiffs' summons with costs of RM3,000:

(1) Based on the ground that the defendant cancelled the old association due to the failure to comply with the legal provisions in the Societies Act 1966, the cancellation was valid. Since the plaintiffs did not appeal against that decision to the Minister of Home Affairs, the defendant's decision was therefore final (see para 24).

(2) The plaintiffs could challenge the defendant's decision to cancel the old association but such measures should be made through judicial review and not originating summons since the cancellation made by the defendant who was a public authority and furthermore, it involved the element of 'public law'. Rule 53 of the Rules of Court 2012 clearly provided for a specific procedure for an aggrieved or dissatisfied party to challenge the decision of a public authority. Based on the above findings, the plaintiffs and the interveners have the right to challenge the decision of the defendant in refusing to register the new association through judicial review and not originating summons (see paras 28, 33 & 36–37).

(3) The court had no jurisdiction to order the defendant to register the new association in accordance with the request of the plaintiffs or interveners because it was clear that both parties have used the wrong mode wrong to challenge the defendant's decision to reject their application to register the new association for the temple. Therefore, it was clear that the claim of the plaintiffs was an abuse of the court process and the courts have the jurisdiction to strike out the existing originating summons (see para 43).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai tindakan terhadap pihak berkuasa awam secara am, lihat 10(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 107.

Kes-kes yang dirujuk

Ahmad Jefri bin Mohd Jahri @ Md Johari v Pengarah Kebudayaan & Kesenian Johor & Ors [2010] 3 MLJ 145; [2010] 5 CLJ 865, MP (dirujuk)

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri v Alcatel-Lucent (M) Sdn Bhd (previously known as Alcatel Network Systems (M) Sdn Bhd) & Anor [2015] 6 MLJ 77; [2015] 9 CLJ 179, MR (dirujuk)

Tharmalingam v Sambanthan [1961] 1 MLJ 63, MR (dirujuk)

WRP Asia Pacific Sdn Bhd v Tenaga Nasional Bhd [2012] 4 MLJ 296; [2012] 4 CLJ 478, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pertubuhan 1966 ss 7(2)(c), 14(1), (2), (5), (7), 18, 18(f)
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 53

Ganesan (J Ganesan, Tajuk Anuar & Co) bagi pihak plaintif-plaintif.
Ahmad Hanif (Peguam Kanan Persekutuan, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang) bagi pihak defendan.
Richard Bong (Bong & Co) bagi pihak pencelah-pencelah.

Hassan Abdul Ghani PK:

PENDAHULUAN

[1] Plaintif-plaintif ialah ahli jawatankuasa yang mewakili Persatuan Hindu Lipis ('persatuan lama') memohon untuk mendaftarkan persatuan baru bagi menggantikan Persatuan Hindu Lipis yang telah dibatalkan.

[2] Defendan ialah Pendaftar Pertubuhan yang telah membatalkan pendaftaran Persatuan Hindu Lipis.

[3] Pencelah-pencelah ialah ahli jawatankuasa baru yang juga memohon untuk mendaftarkan persatuan baru bagi menggantikan persatuan lama tersebut.

KANDUNGAN MAHKAMAH TIGA

[4] Plaintif–plaintif telah memfailkan saman pemula ('KM3') di mahkamah menuntut perintah-perintah yang berikut:

(a) satu deklarasi bahawa jawatankuasa yang mana plaintif-plaintif yang memegang jawatan sebagai pengerusi, setiausaha dan bendahari adalah jawatan kuasa yang sah bagi menyambung aktiviti-aktiviti Persatuan Hindu Lipis (persatuan lama) sebelum pendaftaran dibatalkan pada 14 April 2014;

A (b) satu perintah supaya defendan mendaftar permohonan yang disampaikan oleh plaintif-plaintif untuk mendaftarkan semula Persatuan Hindu Lipis atas nama baru Persatuan Hindu Lipis Subramaniar Alayam;

B (c) perintah larangan untuk menghalang orang awam yang tidak ahli persatuan lama daripada membuat apa-apa tuntutan atas harta alih dan tidak alih kepunyaan kuil tersebut dan melarang mereka daripada mendaftarkan persatuan untuk tujuan menguruskan kuil tersebut; dan

C (d) perintah injunksi bagi menghalang pihak ketiga yang tiada kena mengena dengan kuil lama diberikan pendaftaran mengawal hal kuil lama sehingga tindakan ini diselesaikan.

FAKTA KES

D **[5]** Persatuan Hindu Lipis telah ditubuhkan pada tahun 1950 dan telah didaftarkan dengan defendan pada 21 Februari 1950. Persatuan ini menguruskan, mengawal dan memelihara segala perkara berkaitan dengan Kuil Sri Subramaniar Kuala Lipis ('kuil'). Ia dibina sejak 100 tahun yang lalu dan merupakan kuil terbesar dan bersejarah di bandar Kuala Lipis.
E

[6] Plaintif-plaintif mengatakan semenjak tahun 1950, pada setiap tahun, mereka telah mengadakan mesyuarat agung tahunan dan ahli-ahli jawatankuasa telah dipilih. Oleh itu, sejak turun temurun, plaintif-plaintif
F adalah pihak yang mengendalikan kuil ini.

[7] Pada 14 April 2014, Persatuan Hindu Lipis telah dibatalkan oleh defendan kerana gagal menghantar penyata tahunan bagi tahun 2012. Sebelum tindakan diambil, pihak defendan telah menghantar notis perintah
G mengemukakan penyata tahunan bertarikh 13 November 2013 kepada Persatuan Hindu Lipis, yang dipertua dan bendaharinya. Selepas gagal untuk mendapatkan sebarang maklumat balas, defendan telah menghantar perintah pembubaran sementara bertarikh 12 Februari 2014 kepada pihak terbabit yang memberi peluang kepada mereka untuk menghantar penyata tahunan 2012
H dalam tempoh 30 hari dari tarikh tersebut.

[8] Walaupun begitu pihak terbabit masih gagal untuk menghantar penyata akaun tersebut, yang menyebabkan defendan telah mengeluarkan perintah pembatalan terhadap Persatuan Hindu Lipis pada 14 April 2014
I disebabkan oleh kegagalan mereka untuk mematuhi peruntukan di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

[9] Oleh kerana selepas dibatalkan, ahli jawatankuasa persatuan lama tidak merayu kepada Menteri Dalam Negeri maka perintah itu adalah muktamad.

[10] Selepas itu plaintif-plaintif telah mengadakan pemilihan ahli jawatankuasa baru dan menjalankan aktiviti-aktiviti yang perlu disempurnakan untuk mendaftarkan persatuan baru bagi menggantikan Persatuan Hindu Lipis yang akan dikenali dengan nama Persatuan Hindu Kuala Lipis Sri Subramaniyar Alayalam ('persatuan baru plaintif-plaintif').

[11] Pada masa yang sama pencelah-pencelah juga telah mengadakan pemilihan ahli jawatankuasa baru dan aktiviti-aktiviti yang perlu disempurnakan bagi menubuhkan persatuan baru yang akan dikenali dengan nama Pertubuhan Sri Subramaniam Alayam Kuala Lipis ('persatuan baru pencelah-pencelah').

[12] Plaintif-plaintif dan pencelah-pencelah telah memohon kepada Pendaftar Pertubuhan Malaysia Negeri Pahang, untuk mendaftarkan pertubuhan baru tersebut. Walau bagaimanapun, permohonan itu telah ditolak.

[13] Defendan menolak permohonan mereka kerana defendan berpendirian bahawa terdapat pertikaian di antara pihak-pihak dan kedua-dua pihak mempunyai kepentingan terhadap kuil tersebut.

[14] Melalui surat bertarikh 16 Januari 2015 dan 28 Januari 2015, defendan telah memaklumkan kepada kedua-dua pihak untuk membawa pertikaian ini ke mahkamah atau timbangtara bagi mencapai satu penyelesaian, bagi manfaat semua penganut kuil tersebut. Plaintif-plaintif mengatakan bahawa pendirian defendan adalah 'mereka akan mendaftarkan mana-mana pihak yang mahkamah putuskan mewakili ahli-ahli persatuan lama'.

ISU-ISU

[15] Mahkamah berpendapat isu-isu yang menjadi pertikaian dalam saman pemula ini adalah seperti berikut:

(1) sama ada Pendaftar Pertubuhan Malaysia, Negeri Pahang mempunyai kuasa untuk membatalkan persatuan lama;

(2) sama ada plaintif-plaintif boleh mencabar keputusan defendan apabila membatalkan persatuan lama;

(3) sama ada plaintif-plaintif boleh mencabar keputusan defendan melalui saman pemula;

(4) sama ada plaintif-plaintif dan pencelah-pencelah boleh mencabar keputusan defendan untuk tidak mendaftarkan persatuan baru; dan

(5) sama ada mahkamah boleh memutuskan plaintif-plaintif atau pencelah-pencelah merupakan ahli jawatan kuasa yang sah untuk menubuhkan persatuan baru bagi menggantikan persatuan lama.

[16] Berkaitan dengan isu dalam perenggan 15(1), peguam yang bijaksana bagi pihak plaintif-plaintif berhujah bahawa defendan telah gagal membuktikan bahawa notis perintah mengemukakan penyata tahunan bertarikh 13 November 2013 ('J1'), perintah pembubaran sementara bertarikh 12 Februari 2014 ('J2') dan perintah pembatalan bertarikh 14 April 2014, ('J3') telah diserahkan kepada Persatuan Hindu Lipis, yang dipertua dan bendahari.

[17] Peguam plaintif-plaintif mengatakan bahawa defendan gagal membuktikan pengeposan dan penghantaran dokumen-dokumen yang berkaitan kepada plaintif-plaintif dari pejabat pos, kerana tiada afidavit dari pejabat pos yang menyokong pernyataan itu.

[18] Walaupun di dalam afidavitnya, plaintif tidak secara langsung mengatakan pembatalan itu adalah tidak sah disebabkan oleh fakta-fakta yang dinyatakan di perenggan 16 dan 17 di atas, plaintif-plaintif seolah-olah mempertikaikan keputusan defendan untuk membatalkan pendaftaran persatuan lama.

[19] Peguam yang bijaksana bagi pihak pencelah-pencelah pula mengatakan bahawa Persatuan Hindu Lipis telah dibatalkan oleh defendan kerana kegagalan ahli jawatan kuasa persatuan lama atau plaintif-plaintif untuk memfailkan penyata tahunan 2012. Oleh kerana tiada rayuan dibuat oleh plaintif kepada Menteri Dalam Negeri terhadap perintah pembatalan tersebut, maka perintah bertarikh 14 April 2014 itu adalah muktamad.

DAPATAN MAHKAMAH

Isu (1) — Sama ada Pendaftar Pertubuhan Malaysia, Negeri Pahang mempunyai kuasa untuk membatalkan persatuan lama

[20] Seksyen 14(1) Akta Pertubuhan mewajibkan setiap pertubuhan untuk menghantar laporan tahunan dalam masa 60 hari selepas mengadakan mesyuarat agung kepada defendan.

> 14(1) Every registered society shall, within sixty days after the holding of its annual general meeting or if no annual general meeting is held, within sixty days after the end of each calendar year, forward to the Registrar —
>
> (a) a true and complete copy of any amendments to the rules of such society made since the date of registration or of the last return;

(b) a true and complete list of office-bearers and the number of members of such society residing in Malaysia or present therein at the date of such return or, if such society has no office-bearers residing or present in Malaysia, the name, address and occupation of the person in Malaysia authorized to act for or on behalf of the society, and the number of members as aforesaid together with a true and complete list of the office-bearers of all the branches (if any) of the society;

(c) the address of the society or of the place of business of the society;

(d) the accounts of the last financial year of the society, together with a balance sheet showing the financial position at the close of the last financial year of the society;

(e) the name and address of any society, association, trade union or any other body of persons, incorporated or unincorporated, outside Malaysia affiliated to the society;

(f) the description of any money or property, any pecuniary benefit or advantage received by the society from any person ordinarily resident outside Malaysia or an organization, authority, government, or agency of any government, outside Malaysia; and

(g) such other information as the Registrar may from time to time require.

[21] Seksyen 14(2) Akta pula mewajibkan setiap pertubuhan untuk mengemukakan maklumat atau laporan apabila diminta oleh defendan.

(2) The Registrar may, at any time by notice under his hand, order any registered society to furnish him in writing with —

(a) a true and complete copy of the rules of any such society in force at the date of such order;

(b) a true and complete list of office-bearers and members of any such society or of any branch of any such society residing in Malaysia or present therein at the date of such order;

(c) a true and complete return of the number of meetings held by any such society or branch thereof in Malaysia within the period of six months immediately preceding such order stating the place or places where such meetings were held;

(d) duly audited accounts;

(e) the name and address of any society, association, trade union or any other body of persons, incorporated or unincorporated, outside Malaysia affiliated to the society and other particulars relating thereto;

(f) the description of any money or property, any pecuniary benefit or advantage received by the society from any person ordinarily resident outside Malaysia or an organization, authority, government, or agency of any government, outside Malaysia and other particulars relating thereto; or

(g) such other information as the Registrar may from time to time require.

[22] Oleh kerana plaintif-plaintif telah gagal untuk mematuhi arahan tersebut, maka defendan telah membatalkan pendaftaran pertubuhan itu menurut kuasa yang diberikan di bawah s 14(5) dan 14(7) Akta. Subseksyen 14(5) dan (7) memperuntukkan seperti yang berikut:

(5) Where the particulars required to be furnished under subsection (2) are not furnished within the time stated in the order, or any extension thereof allowed by the Registrar, the Registrar may make a provisional order for the extension thereof allowed by the Registrar, the Registrar may make a provisional order for the dissolution of the society.

(7) Upon the expiration of thirty days from the date of such provisional order, or where an appeal is pending upon the dismissal thereof, the said order shall become absolute and the society shall be deemed to be an unlawful society and its registration shall be cancelled.

[23] Mengikut s 18(f) Akta, plaintif diberi hak untuk merayu kepada Menteri Dalam Negeri terhadap keputusan pembatalan tersebut dalam masa 30 hari dari tarikh keputusan pendaftar tetapi plaintif telah mengabaikan hak-hak tersebut. Seksyen 18(f) memperuntukkan seperti berikut:

18 Any local society, office-bearer or member of such local society or any other person who is aggrieved by the decision of the Registrar in any of the following cases:

...

(f) cancellation of the registration of the society under section 13;

...

may, within thirty days from the date of the decision of the Registrar, appeal against the decision to the Minister and the Minister whose decision shall be final may confirm, reject or vary the decision of the Registrar.

[24] Berdasarkan kepada alasan bahawa defendan membatalkan persatuan lama akibat kegagalan untuk mematuhi peruntukan undang-undang dalam Akta Pertubuhan, maka pembatalan tersebut adalah sah. Disebabkan pihak plaintif-plaintif tidak merayu terhadap keputusan itu kepada Menteri Dalam Negeri, maka keputusan defendan itu adalah muktamad.

Isu (2) — Sama ada plaintif-plaintif boleh mencabar keputusan defendan apabila membatalkan persatuan lama

[25] Berkait dengan isu (2), mahkamah berpendapat pihak plaintif-plaintif mengetahui bahawa mereka boleh mencabar keputusan defendan menurut s 18 Akta Pertubuhan dengan merayu kepada Menteri Dalam Negeri. Walau bagaimanapun mereka tidak berbuat demikian kerana mereka hanya

menerima surat pemberitahuan pembatalan daripada defendan bertarikh 10 September 2014 pada 22 September 2014, sedangkan defendan telah membatalkan persatuan lama semenjak 14 April 2014 lagi. Jika benar dakwaan plaintif-plaintif, ianya bermakna mereka hanya mengetahui hal sebenar mengenai pembatalan selepas lima bulan persatuan lama dibatalkan.

[26] Selain itu plaintif juga mendakwa bahawa mereka tidak pernah menerima notis atau surat-surat berkaitan dari pihak defendan iaitu J1, J2 dan J3 yang menunjukkan defendan telah gagal untuk menjalankan tugas mereka dengan penuh tanggungjawab.

[27] Bersandarkan kepada fakta di atas, nyata bahawa plaintif-plaintif telah mencabar ketepatan prosedur yang diamalkan oleh defendan sebelum membatalkan persatuan lama. Plaintif-plaintif juga telah menunjukkan bahawa kegagalan mereka untuk mengemukakan rayuan kepada Menteri Dalam Negeri dalam masa 30 hari dari tarikh keputusan Pendaftar Pertubuhan mengikut s 18(f) Akta, adalah kerana kegagalan defendan untuk menyerahkan notis pembatalan tersebut kepada mereka dengan segera selepas dibatalkan. Tanpa melihat kepada merit kes, jika fakta itu adalah isu yang cuba di cabar oleh plaintif-plaintif, mahkamah berpendapat bahawa mereka boleh mencabar keputusan defendan itu, tetapi mestilah melalui kaedah yang dibenarkan oleh undang-undang yang akan dibincangkan dan disentuh oleh mahkamah semasa menganalisa isu dalam perenggan 15(3).

[28] Jika benar dakwaan plaintif-plaintif bahawa defendan telah gagal untuk menjalankan tugas mereka dengan penuh tanggungjawab sehingga menyebabkan pendaftaran persatuan lama dibatalkan, dan jika benar dakwaan plaintif-plaintif bahawa, mereka hanya mengetahui mengenai pembatalan itu lebih kurang lima bulan selepas persatuan lama itu dibatalkan, mahkamah berpendapat kelemahan ini adalah satu kelemahan prosedur yang digunapakai oleh defendan yang boleh dicabar oleh pihak plaintif-plaintif melalui semakan kehakiman, tetapi bukan melalui saman pemula kerana adalah jelas bahawa defendan telah *commits an error of law, commits a breach of natural justice and abuses of power*. Lihat *Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri v Alcatel-Lucent (M) Sdn Bhd (previously known as Alcatel Network Systems (M) Sdn Bhd) & Anor* [2015] 6 MLJ 77; [2015] 9 CLJ 179.

Isu (3) — Sama ada plaintif-plaintif boleh mencabar keputusan defendan melalui saman pemula

[29] Berkait dengan isu (3), peguamcara plaintif-plaintif di dalam penghujahannya mengatakan seperti yang berikut:

> Plaintif-plaintif memulakan Saman Pemula ini kerana defendan melalui surat mereka bertarikh 25/01/2015 (Exhibit A1) telah meminta plaintif-plaintif untuk

mendapatkan perintah mahkamah mengenai status plaintif-plaintif dalam hal ini; memastikan siapakah patut didaftarkan sebagai Persatuan Hindu Lipis. Dalam hal ini pihak defendan berpendirian, mana-mana pihak yang mahkamah putuskan mewakili ahli-ahli persatuan lama, mereka akan mendaftar pihak tersebut.

[30] Berdasarkan kepada surat defendan tersebut, plaintif-plaintif mengatakan bahawa mereka telah mencabar keputusan defendan dalam membatalkan persatuan lama dan memohon mahkamah untuk memberikan perintah kepada defendan untuk mendaftarkan pertubuhan baru kepada AJK persatuan lama.

[31] Pencelah-pencelah berhujah, plaintif-plaintif sepatutnya mengguna pakai dan mengikut prosedur yang termaktub di bawah s 18 Akta Pertubuhan, sebelum mengemukakan aduan kepada mahkamah untuk relief atau remedi. Mereka telah merujuk kepada beberapa kes di antaranya ialah *Tharmalingam v Sambanthan* [1961] 1 MLJ 63 yang memutuskan seperti berikut:

Held:

(3) it was a condition precedent that the appellant should resort to the domestic remedies provided before restarting to the courts.

[32] Mereka juga mengatakan bahawa plaintif-plaintif sepatutnya membuat semakan kehakiman di bawah A 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah, untuk mendapatkan perintah *mandamus* terhadap defendan supaya mendaftarkan persatuan baru tersebut.

[33] Mahkamah bersetuju dengan penghujahan peguamcara pencelah-pencelah dan peguam kanan persekutuan yang mewakili defendan, bahawa plaintif-plaintif tidak boleh mencabar keputusan defendan untuk membatalkan persatuan lama melalui prosiding saman pemula. Mereka sepatutnya mencabar keputusan tersebut melalui semakan kehakiman mengikut A 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah kerana di dalam kes ini adalah jelas bahawa pihak plaintif cuba mencabar keputusan pihak berkuasa awam. Lihat *WRP Asia Pacific Sdn Bhd v Tenaga Nasional Bhd* [2012] 4 MLJ 296; [2012] 4 CLJ 478 (MP).

[34] Aturan 53 memperuntukkan seperti berikut:

1. Permohonan semakan kehakiman (A 53 k 1)

(1) Aturan ini hendaklah mentadbir semua permohonan untuk mendapatkan apa-apa relief yang dinyatakan dalam perenggan 1 Jadual kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964 bagi maksud yang dinyatakan didalamnya.

(2) Aturan ini tertakluk kepada peruntukan Bab VIII Bahagian 2 Akta Relief Spesifik 1950 [Akta 137].

2. Permohonan (A 53 k 2)

(1) Suatu permohonan bagi apa-apa relief yang dinyatakan dalam perenggan 1 Jadual kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (selain permohonan bagi perintah *habeas corpus*) hendaklah dalam Borang 109.

(2) Suatu permohonan untuk semakan kehakiman boleh mendapatkan apa-apa relief, termasuk suatu permohonan untuk suatu perisytiharan, sama ada bersesama atau sebagai alternative dalam permohonan yang sama jika ia berhubung dengan atau berkaitan dengan hal perkara yang sama.

(3) Setelah mendengar permohonan bagi semakan kehakiman, Mahkamah tidak terbatas kepada relief yang dituntut oleh pemohon tetapi boleh menolak permohonan itu atau membuat apa-apa perintah, termasuk suatu perintah injunksi atau pampasan wang:

Dengan syarat bahawa kuasa untuk memberikan suatu injunksi hendaklah dijalankan mengikut peruntukan seksyen 29 Akta Prosiding Kerajaan 1956 [Akta 359] dan seksyen 54 Akta Relief Spesifik 1950.

(4) Mana-mana orang yang mendapat kemudaratan dengan keputusan, tindakan atau peninggalan berhubung dengan perjalanan kewajipan atau fungsi awam adalah berhak untuk membuat permohonan itu.

[35] Di dalam kes *Ahmad Jefri bin Mohd Jahri @ Md Johari v Pengarah Kebudayaan & Kesenian Johor & Ors* [2010] 3 MLJ 145; [2010] 5 CLJ 865, di ms 867 Mahkamah Persekutuan mengatakan seperti yang berikut:

On the use of the correct procedure in a case where an aggrieved person can direct and pursue his complaint against a public authority in a court of law for a decision made by them affecting him, s 41 of the Specific Relief Act 1950 ('the Act') arms the court with the statutory authority to grant a declaration. Order 15 r 16 RHC also provides the High Court with such power. However, *O 53 RHC sets out a specific procedure for an aggrieved party seeking relief, incorporating a declaration (as provided by s 41 of the Act) against a public authority for infringement of his rights to which he was entitled to be protected under public law, to follow. When such an explicit procedure is created (as compared to a general provision set out under O 15 r 16 RHC) to cater for this purpose, then as a general rule all such application for such relief must commence according to what is set down in O 53 RHC, otherwise, it is liable to be struck off for abusing the process of the court ...*

Challenge on the use of appropriate procedure in judicial review is very much fact based. It is necessary for a judge when deciding on such matter to first ascertain whether there is a public law element in the dispute. If the claim for infringement is based solely on substantive principles of public law then the appropriate process should be by way of O 53 RHC. If it is a mixture of public and private law then the court must ascertain which of the two is more predominant. If it has a substantial public law element then the procedure under O 53 RHC must be adopted.

A Otherwise, it may be set aside on the ground that it abuses the court's process ... But generally the court should be circumspect I in allowing a matter which should be by way of O 53 RHC to proceed in another form. When the purpose of this rule is in the interest of good administration, then this rule must be adhered to, except in limited and exceptional circumstances.

B

[36] Oleh kerana pembatalan persatuan lama dibuat oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia, Negeri Pahang yang merupakan pihak berkuasa awam dan oleh sebab ia melibatkan elemen *public law* maka mahkamah memutuskan untuk isu (3), pihak plaintif-plaintif tidak boleh mencabar keputusan
C defendan melalui mode saman pemula tetapi sepatutnya dicabar melalui semakan kehakiman seperti yang diputuskan di dalam kes *Ahmad Jefri*. Aturan 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah dengan jelas telah memperuntukkan satu prosedur yang spesifik untuk satu-satu pihak yang terkilan atau tidak berpuas
D hati mencabar keputusan pihak berkuasa awam.

Isu (4) — Sama ada plaintif-plaintif dan pencelah-pencelah boleh mencabar keputusan defendan untuk tidak mendaftarkan persatuan baru

[37] Berkait dengan isu dalam perenggan 15(4) defendan mengatakan
E mereka membuat keputusan untuk menolak permohonan untuk penubuhan persatuan baru kerana terdapat pertelingkahan dikalangan anggota persatuan lama mengikut s 7(2)(c) Akta Pertubuhan. Ini terbukti apabila wujud dua jawatankuasa baru yang cuba mendaftarkan persatuan baru bagi
F menggantikan persatuan lama. Mahkamah berpendapat isu (3) dan isu (4) adalah berkaitan. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada penganalisaan mahkamah di perenggan 33, 34, 35 dan 36 di atas, kedua-dua pihak berhak untuk mencabar keputusan defendan menolak mendaftarkan persatuan baru seperti yang di pohon tetapi ianya mestilah dibuat melalui semakan kehakiman
G dan bukan melalui saman pemula.

Isu (5) — Sama ada mahkamah boleh memutuskan sama ada plaintif-plaintif atau pencelah-pencelah yang merupakan ahli jawatankuasa sah bagi menyambung aktiviti persatuan lama

H

[38] Berkaitan dengan isu di perenggan 15(5) plaintif-plaintif berhujah bahawa mereka patut diisytiharkan sebagai pihak yang sah untuk memegang jawatan sebagai pengerusi, setiausaha dan bendahari bagi persatuan lama. Ini kerana AJK mereka adalah AJK yang mewakili persatuan lama. Oleh itu
I plaintif-plaintif mengatakan defendan patut mendaftarkan permohonan persatuan baru mereka dengan segera.

[39] Plaintif-plaintif mengatakan tiada seorang pun daripada pencelah-pencelah merupakan ahli Persatuan Hindu Lipis. Ketiga-tiga

pencelah hanya wujud pada 15 Mac 2015 dan menafikan 144 orang ahli yang dinamakan di dalam afidavit sokongan pencelah-pencelah adalah ahli Persatuan Hindu Lipis.

[40] Pencelah-pencelah pula berhujah defendan patut mendaftarkan persatuan baru yang mereka pohon dengan segera. Mereka mengatakan Thanapalan a/l Rangasamy iaitu pencelah pertama adalah seorang Ahli Jawatankuasa Persatuan Hindu Lipis 2007/2008 seperti yang disahkan dalam afidavit defendan iaitu J31.

[41] Pencelah-pencelah mengatakan bahawa mereka telah menyenaraikan kesemua nama tiga pencelah dan 144 orang ahli-ahli kuil Persatuan Hindu Lipis di dalam afidavit sokongan pencelah pertama. Lihat ekshs A1 dan A3.

[42] Pencelah-pencelah mengatakan pihaknya adalah AJK yang mewakili persatuan lama dan ahlinya serta memohon agar mahkamah membenarkan permohonan mereka untuk mendaftarkan persatuan baru tersebut.

[43] Tanpa mempertimbangkan kepada merit penghujahan plaintif-plaintif dan pencelah-pencelah, dapatan mahkamah adalah mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa untuk mengarahkan defendan supaya mendaftarkan persatuan baru mengikut permohonan plaintif-plaintif atau pencelah-pencelah kerana adalah nyata bahawa kedua-dua pihak telah menggunakan mod yang salah untuk mencabar keputusan defendan menolak permohonan mereka untuk mendaftarkan persatuan baru bagi kuil tersebut. Adalah jelas seperti yang dinyatakan di dalam kes *Ahmad Jefri* bahawa tuntutan plaintif-plaintif adalah satu penyalahgunaan proses mahkamah dan mahkamah mempunyai bidang kuasa sedia ada untuk membatalkan saman pemula ini tetapi disebabkan defendan dan pencelah-pencelah tidak mengemukakan sebarang bantahan awal terhadap mod yang digunakan oleh plaintif-plaintif maka mahkamah telah mendengar saman pemula tersebut.

KESIMPULAN

[44] Setelah meneliti semua afidavit dan penghujahan bertulis pihak plaintif-plaintif, defendan dan pencelah-pencelah, mahkamah memutuskan bahawa saman pemula plaintif dalam KM3 ditolak dengan kos sebanyak RM3,000 dibayar oleh plaintif-plaintif kepada defendan dan pencelah-pencelah.

Saman pemula plaintif-plaintif ditolak dengan kos sebanyak RM3,000.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar